

Delegasi UUM lawat Balai Berita

UNIVERSITI perlu menjalin hubungan baik dengan media bagi memastikan pelbagai aktiviti dianjurkan dapat disalurkan kepada masyarakat sesuai dengan misi menjadikan universiti sebagai gedung ilmu masyarakat.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata hubungan baik itu bukan saja bagi kepentingan menguar-uarkan berita uni-

“Hubungan dua hala ini diharap bersifat menang-menang supaya kedua-dua pihak mendapat manfaat daripada hubungan yang terjalin”

Dr Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia

versiti, bahkan media mendapat maklumat tepat daripada pihak yang sewajarnya.

“Pihak UUM kini dalam rangka lawatan ke beberapa syarikat media di negara ini dengan matlamat untuk menjalin hubungan dengan pihak media. Kami berpendapat, universiti perlu mempunyai hubungan baik dengan pihak media supaya media mendapat maklumat secara langsung daripada universiti.

“Hubungan dua hala ini diharap bersifat menang-menang supaya kedua-dua pihak mendapat manfaat daripada hubungan yang terjalin, apatah pula UUM kini sedang bergerak ke arah



MOHAMED MUSTAFA (tiga dari kiri) memberi cenderamata kepada Mior Kamarul (tengah) ketika melawat Berita Harian, baru-baru ini.

pengiktirafan untuk menjadi universiti pengurusan terkemuka dunia” katanya ketika mengunjungi Bilik Berita, Berita Harian (BH) di Bangsar, baru-baru ini.

Majlis itu turut dihadiri Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Mior Kamarul Shahid; Pengarang

Eksekutif BH, Norhayati Md Said, Pengarang BH dan wakil pengurusan kanan UUM.

Prof Mohamad Mustafa berkata, UUM merancang untuk menambah baik kemudahan ditawarkan di UUM City Campus dengan kampus yang lebih besar

bagi memenuhi permintaan pelajar saban tahun.

Katanya, ketika ini kampus bandar itu menempatkan kira-kira 1,700 pelajar dan terus menjadi pilihan pelajar sedia ada tidak sesuai untuk menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat.



M.THILLINADAN (duduk) menerangkan proses penyuntingan berita kepada wakil UUM yang mengadakan lawatan ke Berita Harian, baru-baru ini.